



SOALAN – SOALAN LAZIM / FREQUENTLY ASK QUESTIONS:

1. Apakah inisiatif SELangkah ini?

SELangkah – “Langkah masuk dengan selamat” diwujudkan bagi memastikan kesiapsiagaan entiti perniagaan dan industri sepanjang aktiviti perniagaan berlangsung semasa wabak covid19.

SELangkah – merupakan sistem pendaftaran keluar-masuk automatik di premis-premis perniagaan menggunakan teknologi Kod QR yang ringkas dan pantas.

Ini adalah sejajar dengan seruan YAB PM semasa sidang akhbar khas 1 Mei yang menggesa agar peniaga-peniaga mendaftar rekod kehadiran pengunjung ke premis mereka.

2. Apakah objektif inisiatif SELangkah ini?

SELangkah akan membantu kerajaan mengenal pasti mereka yang mungkin terdedah kepada risiko jangkitan covid19 semasa menjalankan kegiatan ekonomi / jual-beli.

Inisiatif ini mempunyai 3 objektif serampang :

“Melindungi premis perniagaan,

“Melindungi pelanggan

“Membantu pasukan baris hadapan dalam mengesan kontak”

Premis perniagaan akan dirubah untuk mempunyai *dual-function* bukan sahaja untuk menjana ekonomi, tetapi juga turut sama membantu dalam proses mengawal perebakan wabak.

3. **Bagaimanakah inisiatif ini akan membantu usaha-usaha pengesanan kontak oleh Jabatan Kesihatan ?**

SELangkah bakal **melengkapi ikhtiar Pengesanan Kontak (Contact Tracing)** oleh Jabatan Kesihatan Negeri, **terutamanya apabila terdapat kes-kes yang dikesan di premis perniagaan (cth : pasar awam, pasaraya, dan kedai kedai runcit).**

Dengan sistem SELangkah, **pihak Kesihatan dapat serta-merta mengidentifikasi pelanggan-pelanggan lain yang mungkin terdedah** kepada kes Covid19+ semasa menjalankan urusan jual-beli, supaya saringan dan ujian dapat dijalankan lebih awal.

4. Apakah ini kaedah baharu ? atau kaedah yang telah lazim digunakan?

Praktis pendaftaran pengunjung sudah merupakan suatu kelaziman yang kita amalkan sehari-sehari apabila melawati rakan taulan kita di sesuatu kondominium, ataupun apabila menghadiri mesyuarat atau kursus.

Inisiatif SELangkah **mengolah suai amalan lazim ini, sebagai kaedah bagi kawalan wabak Covid19.**

Dengan SELangkah, **kaedah buku pendaftaran manual ini diubah kepada kaedah automatik**, sekaligus meningkatkan kepantasan, dan efisiensi pendaftaran di premis-premis awam dan perniagaan.

5. Apakah peranan peniaga/pemilik premis bagi mendokong inisiatif SELangkah ini?

Para **pemilik premis adalah diminta untuk mencetak sendiri dan mempamer Kod QR bagi premis masing-masing** melalui portal **selangkah.mbiselangor.com.my** atau **selangkah.my** yang boleh dicapai bermula **4 Mei 2020**. Kebanyakan premis perniagaan telahpun didaftarkan, manakala sekiranya belum – para pemilik premis boleh melakukan “self-registration” di portal tersebut.

6. Apakah peranan pengunjung/pelanggan premis pula?

Para **pengunjung premis pula diminta untuk mengimbas poster kod QR tersebut, menggunakan fungsi kamera** di telefon bimbit, samada sebelum memasuki premis ataupun semasa membuat bayaran, bergantung kepada olah atur pemilik premis masing-masing.

7. Apakah jenis data yang akan direkod melalui inisiatif SELangkah ini?

Data yang akan disimpan hanyalah (tarikh dan masa) pengunjung di sesuatu kedai / premis, dan juga nombor telefon. Ini akan membentuk log kehadiran bagi sesuatu premis.

8. Adakah maklumat peribadi saya seperti alamat dan No Kad Pengenalan diperlukan?

Tidak. Fungsi SELangkah hanyalah untuk menghubungi anda sekiranya anda terdedah kepada risiko jangkitan, dan nombor telefon adalah mencukupi.

9. Bilakah log kehadiran ini akan digunakan?

Sekiranya terdapat kes covid19 dikesan di premis perniagaan tersebut, log kehadiran ini akan diaktifkan oleh pegawai kesihatan Awam, bagi memudahkan tujuan menghubungi pelanggan-pelanggan lain yang berkemungkinan terdedah kepada risiko jangkitan Covid19.

10. Adakah SELangkah akan mengesan (tracking) kedudukan lokasi saya secara berterusan ?

Tidak.

SELangkah hanya merekodkan kehadiran anda di sesuatu premis, apabila anda mendaftar masuk – fungsi sama seperti buku pendaftaran pelawat.

SELangkah tidak mempunyai kapasiti mengesan kedudukan samada menggunakan fungsi GPS pada telefon bimbit anda. Dengan ini, data kedudukan anda adalah lebih terpelihara.

11. Bagaimana SELangkah berbeza dengan penyelesaian pengesanan kontak melalui aplikasi mobil yang lain?

Terdapat beberapa aplikasi mobil yang sedia ada disediakan (e.g MySejahtera , MyTrace) bagi memudahkan urusan *Contact Tracing*. SELangkah menggalakkan semua rakyat memuat turun aplikasi-aplikasi tersebut.

SELangkah merupakan **sebuah ikhtiar yang akan melengkapkan / komplementari kepada kaedah – keadah di atas**, terutamanya kepada mereka yang mempunyai **telefon bimbit yang tidak sesuai** bagi aplikasi mobil, dalam **keadaan kehausan bateri**, ataupun **golongan yang bukan merupakan penduduk tetap**.

SELangkah menggunakan **teknologi kod QR , yang universal** dan boleh digunapakai oleh telefon bimbit dengan sistem pengoperasian iOS ataupun Android.

SELangkah juga merupakan **penyelesaian yang berpusatkan premis (premis-centric) berbanding individu (individual-centric)**, dan hanya menyimpan log kehadiran semasa urusan lawatan / jual – beli

12. Di mana saya boleh mendapat maklumat lanjut ?

Maklumat lanjut boleh didapati di laman www.selangkah.mbiselangor.com.my atau www.selangkah.my

13. Adakah data saya akan diperdagangkan?

Log kehadiran anda di sesuatu premis (yang terdiri daripada no telefon dan masa masuk) tidak didagangkan secara komersil, dan hanya digunakan bagi tujuan perhubungan sekiranya anda terdedah kepada kes Covid19 di premis yang sama.

Bagi tujuan perhubungan apabila kes dikesan, log kehadiran akan dikongsi dengan Jabatan Kesihatan Negeri dan agensi di bawahnya.

14. Saya tidak mahu mengimbas QR kod / terlibat di dalam inisiatif SELangkah

Amalan mengimbas kod QR SELangkah adalah merupakan norma baru yang perlu diterap bagi keselamatan kedua-dua pihak : peniaga & pelanggan. Anda bebas untuk tidak mengimbas / mendaftar kehadiran, namun adalah berkemungkinan bahawa anda akan gagal dihubungi sekiranya anda terdedah kepada punca jangkitan Covid19 di premis tersebut.

15. Agensi manakah yang akan mengawal selia data (data guardianship)?

Log kehadiran anda diurus, dikawal selia, dan dijaga (guardianship) oleh Kerajaan Negeri.

16. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Maklumat lanjut & terma penggunaan data boleh didapati di

www.selangkah.my